

PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,  
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA,  
WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.  
TELEFON : 04-9171212 / 04-9171216 TELEFAX : 04-9176473

**KENYATAAN TAWARAN  
SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN  
SEBUT HARGA NO. S421633: JADUAL KADAR**

1. Sebut harga daripada petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **070303 (Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/Ternakan /Akuatik)** atau **110201 (Jentera Berat)** akan diterima di **PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA, WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam **12.00** tengah hari pada **01/10/2017 (AHAD)** untuk:-  
  
Tajuk Sebut Harga : **Membekal, Menghantar, Menguji Dan Menjayajalakan Traktor Pertanian Jenis *Full Crawler Rubber Track* Yang Baru**
2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh didapati di Pejabat seperti alamat di atas pada waktu dan hari bekerja.
3. Petender yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA** (jika berkaitan) yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen sebut harga.
4. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor sebut harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di Pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebut harga ini.
5. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.



**(AHMAD SUKRI BIN SAAD)**  
Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.